



KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
06 Jamadilawal 1443 / 11 Disember 2021

- I. Pada hari ini, Sabtu 06 Jamadilawal 1443H bersamaan 11 Disember 2021M, sebanyak **35 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **Jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,343 orang.**
 - i. Terdapat **tambahan 14 kes baru** kepada 5 kluster aktif yang sedia ada pada hari ini yang merupakan kontak terdekat kepada beberapa kes positif sebelumnya.
 - ii. Sementara itu, **terdapat 4 kluster baru** telah dikenalpasti yang melibatkan **16 kes**. Kesemua kluster-kluster ini merupakan kluster rumah di mana **Kluster Kedai Gunting Ajib Staffhouse** adalah kluster rumah yang menempatkan pekerja-pekerja syarikat berkenaan.
 - iii. Sebagaimana yang tertera di skrin sekarang, **5 kluster telah ditutup** setelah tidak ada kes dikesan di dalam kluster berkenaan selama 28 hari. Oleh yang demikian, jumlah kluster yang aktif adalah **101 kluster**.

(Skrin: Kluster M.Rahman Construction staff house, Kluster Nur Naziba construction staff house, Kluster 13962, Kluster 13458 dan Kluster 12835).

- iv. Manakala, terdapat **5 kes baru yang masih dalam siasatan bagi mengenalpasti sumber jangkitan.**
- 2. **22 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **14,945 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **298 kes.**
- 3. Di kalangan kes-kes yang sedang ada dalam rawatan sekarang, **satu (01) kes adalah dalam Kategori 5** yang sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif dan memerlukan bantuan mesin pernafasan (*artificial ventilation*) serta bantuan mesin tambahan *heart/lung machine* (*ECMO*). Sementara itu, **tidak ada kes yang dikategorikan dalam Kategori 4.**
- 4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **2,148 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **659,767 ujian.**
- 5. Pada **10 Disember 2021**, sebanyak **2,075 orang** telah menerima suntikan vaksin COVID-19 termasuk **2,033 orang** di kalangan

remaja berumur 12-17 tahun. Dengan itu, jumlah orang yang menerima satu dos vaksin COVID-19 ialah **404,834 orang** iaitu **94.1%** daripada jumlah penduduk negara. Manakala **374,087** orang telah melengkapkan dua dos vaksin COVID-19 iaitu **87.0%** daripada jumlah penduduk negara.

6. Bagi Operasi Peralihan yang dijalankan dari jam 10 malam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 2 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana **kedua-duanya** adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.
7. Marilah kita bersama-sama menyahut saranan pihak Kerajaan dan mematuhi segala nasihat dan arahan yang telah dikeluarkan dalam mengawal penularan wabak COVID-19 pada masa ini. Semoga semua usaha kitani dalam mengawal penularan wabak COVID-19 diberkati dan dikurniakan kejayaan oleh Nya juga. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

Sekian, terima kasih.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 06 Jamadilawal 1443H / 11 Disember 2021